



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/11/2012

'IJN kebanggaan kita'

BH-18/11/12

Kota Kinabalu: Malaysia boleh berbangga kerana memiliki Institut Jantung Negara (IJN) yang mampu menandingi negara maju dalam aspek pembedahan jantung dan paru-paru.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata ia terbukti apabila semakin ramai pesakit serta pelajar dari negara luar, berminat mendapatkan rawatan serta latihan di IJN yang meraikan ulang tahun ke-20 penubuhannya, September lalu.

"Ini kemajuan kerana di IJN,

kita boleh latih doktor pakar dalam pembedahan jantung. Pada masa lalu, kita terpaksa menghantar pelajar mendapat latihan kepakaran di luar negara. Saya difahamkan, sekarang doktor dari negara luar termasuk Vietnam, Thailand, Jepun, Brunei, Sudan dan Indonesia pula berbaris menunggu giliran belajar di IJN.

"Kita boleh berbangga dengan kebolehan dan peralatan sama seperti di negara maju. Sabah sendiri sudah mempunyai kemudahan dan pakar berkaitan jantung," katanya.

“
*Saya difahamkan,
sekarang doktor dari
negara luar termasuk
Vietnam, Thailand,
Jepun, Brunei, Sudan
dan Indonesia pula
berbaris menunggu
giliran belajar di IJN*”

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri